

ASN: ADA MELAYU DIPERALAT

Mp M 30 DEC 1990

ALUR SETAR 29 Dis. — Kerajaan telah mendapat maklumat yang menunjukkan "golongan tertentu" memeralatkan orang-orang Melayu untuk membeli saham ASN.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang mendedahkan perbuatan ini berkata, ada orang Melayu yang membawa \$300,000 untuk memulakan dan menambah pelaburan mereka di saat-saat akhir.

"Tapi jauh di sana, kita nampak ada orang menunggu," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Dewan Perniagaan dan Perdagangan Melayu di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, jumlah pelaburan ASN meningkat kepada \$1,000 juta dalam masa tiga bulan ini berbanding dengan \$200 juta yang dikutip dalam tempoh tiga bulan sebelumnya.

"Pada masa yang sama, bilangan bumiputera yang ingin menambah pelaburan bagi mencukupkan jumlahnya kepada maksimum \$50,000 juga meningkat," katanya.

"Ini menimbulkan tanda tanya daripada mana datangnya wang tersebut," katanya.

Perdana Menteri berkata, punca wang tersebut boleh diragui dan beliau tidak menolak kemungkinan ada orang Melayu yang "menjual nama," kepada golongan tertentu untuk membeli ASN.

Beliau bimbang, sekiranya orang Melayu mengambil kesempatan dengan cara sedemikian, rancangan yang diwujudkan oleh kerajaan untuk kaum bumiputera akan digagalkan sendiri oleh kaum bumiputera.

Beliau khuatir matlamat kerajaan untuk membantu bumiputera melalui penubuhan ASN tidak akan tercapai kerana "orang lain," yang akan meraih keuntungan melalui penjualan saham-saham mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan tahu wang yang dilaburkan sebegitu banyak bukan wang orang Melayu kerana, terdapat "orang yang bukan-bukan," membeli sehingga 50,000 unit saham dalam masa dua tiga bulan lepas sebelum ASN membuat pengumuman akan membayar bonus khas.

Beliau bagaimanapun tidak menafikan ada

LIHAT MUKA 19

ASN: ADA MELAYU DIPERALAT

Mn. M. 30 DEC 1990

kalangan pelabur yang menjual tanah dan sebagainya untuk membuat pelaburan tetapi ia tidak logik dengan jumlah yang dilaburkan seka-

rang. Katanya, kerajaan tidak boleh mengawal gejala itu sebaliknya pelabur bumiputera sendiri hendaklah amanah dan tidak

menipu diri sendiri. Sebelum itu semasa berucap di dalam majlis tersebut, Perdana Menteri berkata, jika orang Melayu terus menjual saham

mereka, pencapaian 20 peratus menerusi DEB yang dimiliki menerusi ASN akan hanya tinggal 10 peratus sahaja selepas

2 Januari ini.

Beliau menjelaskan, 10 peratus daripada 20 peratus pencapaian bumiputera dalam DEB adalah

menerusi pemilikan saham ASN dalam syarikat-syarikat besar seperti Guthrie, Harrison & Crossfield dan Boustead.

Secara berseloroh Perdana Menteri berkata: "Saya percaya wang yang dilaburkan begitu banyak dan mendadak dalam ASN sekarang dikhuatiri datangnya bukan dari duit yang disimpan di bawah bantal orang Melayu tetapi diambil dari bawah bantal orang lain."

Beliau kemudian meminta orang-orang Melayu yang mendapat berbagai peluang untuk meningkatkan maju memperbetulkan diri mereka sendiri dan tidak menyalahkan orang lain sekiranya mereka gagal.

Perdana Menteri percaya apa juga kemudahan dan peluang yang diberikan tidak akan memberikan faedah jika mereka tidak menggunakannya dengan baik.